

## DINAMISME KEWARTAWANAN PEMERTIKAIAN DAN HUBUNGANNYA DENGAN KERETAKAN HEGEMONI

### [THE DYNAMISM OF CONTENTIOUS JOURNALISM & ITS RELATIONSHIP WITH THE FRACTURE OF HEGEMONY]

MOHD AMIRUL AKHBAR MOHD ZULKIFLI<sup>1</sup>

#### Abstrak

Kewartawanan pemertikaian memiliki aspek pencearahannya yang panjang bermula selepas Perang Dunia Kedua. Kajian ini membincangkan sejarah kewartawanan pemertikaian dengan memberikan fokus terhadap susur galurnya yang dimulai dengan kewartawanan baru yang mencabar perspektif mainstream. Kedatangan teknologi komunikasi kemudiannya telah membantu mempercepatkan penyebaran maklumat dan berita sekali gus memperkuatkannya kewartawanan baru yang berevolusi menjadi kewartawanan pemertikaian. Selain itu kajian ini juga akan menganalisis hubungan yang wujud di antara kewartawanan pemertikaian dan sumbangannya terhadap keretakan hegemoni. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu yang melibatkan historical study dan analisa kandungan terhadap buku dan jurnal. Hasil kajian mendapati teknologi komunikasi adalah pemangkin kepada dinamisme kewartawanan pemertikaian yang disebar luas menerusi platform media sosial. Selain itu turut menyumbang kepada keretakan hegemoni disebabkan pihak pemerintah tidak dapat mengawal media sosial masa ini.

**Kata Kunci:** Teknologi Komunikasi, Kewartawanan Pemertikaian, Kewartawanan Baru, Hegemoni, Media Sosial

#### Abstract

Contentious journalism has a long history and can be traced since the end of World War 2. This study discusses the historical aspect of contentious journalism by focusing on its evolution which was previously known as the new journalism that has challenged the mainstream perspective. The arrivals of communication technology has helped the acceleration of information and news which has strengthen the new journalism and later known as contentious journalism. In addition, this study will also analyze the relationship between contentious journalism and its contribution towards the fracture of hegemony. Overall this study used qualitative research method through historical study and content analysis through book and journal. The results showed that communication technology act as the catalyst to contentious

<sup>1</sup> Universiti Teknologi MARA, MALAYSIA.

**Corresponding Author:**

MOHD AMIRUL AKHBAR MOHD ZULKIFLI, Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media, Universiti Teknologi MARA (UiTM), 40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia.  
Email: amirul@uitm.edu.my

journalism which massively spreaded through the social media. The findings also showed that the fracture of hegemony emerged due to the inability of the ruler to control the social media nowadays.

**Keywords:** Communication Technology, Contentious Journalism, New Journalism, Hegemony, Social Media.

**Cite This Article:**

Mohd Amirul Akhbar Mohd Zukifli. 2021. Dinamisme Kewartawanan Pemertiaian dan hubungannya dengan keretakan Hegemoni. *Asian Journal of Civilization Studies. (AJOCS)*, 3(2) 42-59.

## PENGENALAN

Kewartawanan yang juga dikenali sebagai jurnalisme bukan hanya bersandarkan kepada amalan pemberitaan atau dunia persuratkhabaran semata-mata. Perkembangan sosial yang kini sedang berlangsung telah menterbalikkan ruang lingkup berkenaan. Sekiranya isu-isu kewartawanan silam masih diambil kira, sebagaimana ketika tertubuhnya School of Journalism di Columbia University pada tahun 1912, ia jelas tidak lagi relevan dengan situasi semasa. Pandangan “sehala” yang selama ini mengikat kewartawanan terhadap lingkungan wartawan, sub-editor dan editor sebenarnya telah banyak “membunuh” potensi ilmu ini serta sumbangannya dalam realiti sebenar (Murad Merican 2008). Dominasi pandangan sehalah adalah jelas kelihatan di peringkat permulaan ketika pengajian komunikasi mula di cadang dan diperkenalkan di Malaysia pada tahun 1970an. Ia adalah melibatkan Universiti Malaya ketika itu, namun ditolak untuk ditawarkan sebagai bidang pengajian di peringkat universiti. Ini adalah disebabkan oleh kurangnya pemahaman terhadap fungsi komunikasi secara komprehensif yang merentasi aspek perniagaan dan kerajaan ketika itu. Berbeza dengan keadaannya pada hari ini, apabila kewartawanan dipergunakan serta dieksplotasi atas nama maklumat yang merentasi pelbagai isu merentasi batasan ekonomi, politik mahupun sosial. Malahan ia turut merentasi batas sempadan antara negara dan tidak bersifat “pegun” atau terkurung dalam geografi setempat. Berdasarkan itu, maka adalah penting bagi masyarakat keseluruhannya diberikan pendedahan terhadap peranan yang dimainkan oleh kewartawanan pada hari ini.

Dalam konteks ini, pendekatan terbaik adalah melibatkan kombinasi etimologi, sosiologi serta aspek persejarahan. Dari sudut etimologi, kewartawanan boleh diertikan sebagai satu cara penghasilan karya seni yang melibatkan catatan peristiwa yang berlaku. Karya yang dimaksudkan itu ialah melibatkan aspek penulisan yang memiliki nilai estetika yang berkeupayaan menarik khalayak untuk membacanya sekali gus memberikan maklumat yang berguna. Dari sudut sosiologi, masyarakat secara umum akan sentiasa terlibat dalam proses sosialisasi. Kombinasi yang membentuk sosialisasi adalah melibatkan empat faktor utama iaitu biologi, sosial, lingkungan hidup dan kelompok masyarakat (Polak 1974:13). Manakala dari sudut persejarahan pula, perkembangan kewartawanan adalah berlangsung dengan masyarakat itu sendiri yang membentuk pengetahuan antara manusia. Perkembangan yang berlangsung bukanlah dalam jangka masa singkat. Ia adalah melibatkan satu tempoh masa yang akhirnya membentuk pengetahuan yang pelbagai umpamanya pengucapan awam atau retorika, penulisan, propaganda atau dakyah, perhubungan awam yang akhirnya menggambarkan

perkembangan dan kemajuan yang melibatkan hubungan antara manusia. Ia diperjelaskan oleh (Kustadi Suhandang 2016: 23) dalam petikan berikut:

*...hanya ilmu sejarahlah kiranya yang pertama-tama dapat memperlihatkan adanya gejala kemasyarakatan sebagai wujud dari berlangsungnya hubungan antar manusia itu. Pertama sekali para sejarawan memperhatikan bahwa zaman dahulu kala orang yang khusus melakukan pekerjaan sebagai perantara dalam hal melaksanakan komunikasi antar manusia itu. Untuk memenuhi keperluan orang terhadap kabar atau berita tentang orang lain atau keadaan di sekelilingnya, atau di lain tempat, terdapat orang-orang yang khusus melakukan pekerjaan dalam hal mencari kabar atau berita untuk disampaikan kepada orang-orang yang memerlukannya...*

Jelas bahawa tugas untuk memahamkan masyarakat terhadap bidang kewartawanan bukanlah semudah yang disangka. Pandangan “sehala” yang selama ini mengongkong interpretasi kewartawanan serta keupayaannya adalah disebabkan oleh pandangan dangkal yang didokong oleh pemikiran barat. Ia memperlihatkan penerusan amalan dari sudut fungsionalisme yang menitik beratkan fungsi yang digerakkan oleh sesuatu bidang pengajian. Dimensi lapuk ini telah begitu lama disebar luas dan diterima tanpa sebarang kritikan yang konstruktif dari sudut kesesuaianya. Sekali gus terus memperlihatkan bahawa kewartawanan kekal dengan konsep 5 W dan 1 H dan menjadi penghalang kepada keupayaan minda khalayak umum dalam memahami kedinamikannya.

## SEJARAH RINGKAS KEWARTAWANAN MALAYSIA

Permulaan kewartawanan di Malaysia wajar ditelesuri bermula dengan usaha awal penerbitan akhbar yang digerakkan oleh pedagang Inggeris iaitu Andrew Burchett Bone di Pulau Pinang. Pada 30 Januari 1806, Gabenor Philip Dundas telah memberikan kebenaran kepada Bone untuk menerbitkan akhbar yang dikenali sebagai The Prince of Wales Island Gazette (Mohd Amirul Akhbar 2018;22). Ia secara langsung menandakan permulaan baru bagi kewartawanan negara yang kemudiannya telah menyaksikan perkembangan kewartawanan yang berkembang pesat, stabil dan melibatkan berbagai bahasa. Di antara tahun 1876 hingga 1941 terdapat sebanyak 147 penerbitan akhbar Melayu di Tanah Melayu. Selain itu, terdapat juga penerbitan di dalam bahasa Cina yang diterbitkan di Melaka sejak dalam tahun 1815 oleh mualigh Kristian dikenali sebagai The Chinese Monthly Magazine dan Lat Pau di dalam tahun 1881.

Perkembangan penerbitan akhbar berbahasa Melayu di Tanah Melayu bermula dengan terhasilnya penerbitan yang dikenali sebagai Jawi Peranakan yang diterbitkan di Singapura oleh Munshi Dada Muhaidin. Dari segi pengedarannya, Jawi Peranakan bukan sahaja diedarkan di Singapura tetapi juga melibatkan seluruh Tanah Melayu, Borneo, dan Sumatera. Berikutnya penerbitan ini telah menggalakkan penerbitan-penerbitan lain di Tanah Melayu iaitu Idaran Bintang Timur (1877), Nujum Al Faj (1877), Shamsu'l Kamar (1880), Sekola Melayu (1888), Jajahan Melayu (1891), Seri Perak (1893), Tanjung Negeri (1894), Pemimpin Warta (1895) dan Warta Kerajaan Perak (1897).

Pemahaman terhadap kewartawanan sememangnya tidak akan lengkap tanpa adanya analisa awal yang menjadi pemangkin kepada perkembangannya. ia memerlukan penelitian

semula terhadap sejarah perkembangan industri persuratkhabaran itu sendiri khususnya yang melengkari Kepulauan Melayu. Aktiviti percetakan di Kepulauan Melayu sebenarnya telahpun bermula semenjak abad ke 15 dan menjadi pemangkin kepada perkembangan ilmu pengetahuan dalam kalangan masyarakat tempatan. Hasilnya ilmu pengetahuan yang selama ini terbatas telahpun berkembang dan melewati pelbagai cabang ilmu lain umpamanya melibatkan hal ehwal keagamaan, politik dan tidak ketinggalan ekonomi. Selain itu, satu lagi ciri persamaan perusahaan persuratkhabaran di kebanyakan negara di Kepulauan Melayu adalah ianya dimulakan oleh pemerintah kolonial di negara masing-masing. Umpamanya kolonial Sepanyol di Filipina, Belanda di Indonesia dan British di Malaya (kini Malaysia).

Beralih kepada landskap awal perusahaan persuratkhabaran di Malaysia dan Singapura menjelang abad ke 19 sebenarnya dipengaruhi oleh beberapa faktor. Antara faktor penyumbang kepada perkembangan pesat perusahaan persuratkhabaran adalah disebabkan oleh agama Islam. Islam menjadi pemangkin kepada peningkatan pembacaan dan penerbitan bahan-bahan bacaan. Ditambahkan pula dengan peranan yang dimainkan oleh akhbar Jawi Peranakan yang secara langsung menggerakkan penerbitan akhbar di Singapura dan Malaya. Menerusi Jawi Peranakan telah membuktikan bahasa Melayu sebagai lingua franca yang menjadi bahasa perhubungan sejak kewujudan Kesultanan Melayu Melaka dalam abad ke 15 (1400-1511) yang amat berpengaruh di Kepulauan Melayu merentasi Singapura, Indonesia dan Brunei (Ahmat Adam 1992: 51). Menurut beliau lagi, pengedaran Jawi Peranakan menunjukkan kedinamikan akhbar berbahasa Melayu itu yang mampu mengadaptasi situasi semasa yang di dominasi oleh imperialisme British khususnya yang melibatkan aspek ekonomi dan undang-undang yang harus dipatuhi oleh pengusaha. Proses sosialisasi penerbitan akhbar, persaingan sesama akhbar serta ditambahkan pula dengan polisi-polisi berkaitan yang dilaksanakan oleh British di Malaya dan Belanda di Indonesia melakari riak-riak awal perusahaan akhbar di Kepulauan Melayu. Dari perspektif persejarahan perusahaan persuratkhabaran Melayu mula berkembang sejak akhir abad ke 18 sehingga abad ke 19 yang menyaksikan Singapura sebagai pusat akhbar berbahasa Melayu (Ahmat Adam, 1992; Mohd Safar Hasim, 2004). Secara khususnya perkembangan pesat perusahaan akhbar berbahasa Melayu mencapai kemuncaknya sekitar tahun 1867 sehingga 1941. Keadaan yang sama turut terkena lampiasannya terhadap akhbar-akhbar berbahasa Cina dan India (Mohd Safar Hasim 2004; 66).

Perkembangan pesat yang melanda Singapura khususnya dalam abad ke 19 adalah disebabkan oleh aktiviti perdagangan yang telah berjaya mengangkat imej Singapura sebagai sebuah pelabuhan bebas cukai atau lebih popular sebagai “Entrepot”. Ia secara jelas menunjukkan akan kepentingan kuasa maritim yang pada ketika itu melibatkan kuasa besar British dan Belanda. Terdapat para pengkaji yang mengatakan bahawa perubahan dan kerancakan yang wujud di Singapura adalah menyamai situasi yang pernah wujud di Melaka di dalam abad ke 15. Singapura bukan sahaja muncul sebagai pusat tumpuan perdagangan di Kepulauan Melayu tetapi turut muncul sebagai pusat tumpuan aktiviti keislaman. Sekali gus menyaksikan peningkatan komuniti beragama Islam khususnya orang-orang Melayu, Arab dan India Muslim di Singapura. Walaupun kelompok berkenaan adalah berbeza akan latar belakang ekonomi dan sosialnya, namun dari aspek bahasa, mereka menggunakan bahasa Melayu di dalam interaksi seharian. Walaupun Singapura berada di bawah kekuasaan pihak kolonial British sejak 1819 namun ianya bukanlah satu halangan kepada kewujudan kelompok-kelompok etnik lain seperti Cina, Jawa, Boyan, Bugis dan Jawi Peranakan.

Periode 1930an juga menyaksikan pengaruh kewartawanan Melayu-Hadhrami. Ia didasari oleh penerbitan berskala besar, edaran harian dan mingguan serta memiliki jumlah pembacaan yang agak besar jumlahnya di Semenanjung Melayu. Keadaan berkenaan menyumbang kepada peningkatan kesedaran berpolitik dalam kalangan orang-orang Melayu. Situasi berkenaan dikatakan telah banyak mempengaruhi genre kewartawanan penerbitan akhbar Warta Malaya yang berpusat di Singapura bermula pada Januari 1932. Mempunyai jumlah penerbitan yang tinggi, Warta Malaya muncul sebagai akhbar utama Melayu untuk dekad seterusnya. Ia diusahakan oleh usahawan yang dikenali sebagai Sayyid Husayn Alsagoff. Kejayaan Warta Malaya disusuli dengan penerbitan hujung minggunya yang dikenali sebagai Warta Ahad pada pertengahan tahun 1935. Bagi tahun berikutnya terhasil pula penerbitan akhbar berbentuk hiburan yang dikenali sebagai Warta Jenaka (Roff, 2009: 171).

Menjelang 1934, satu lagi penerbitan akhbar yang disokong oleh golongan Hadrami telah diterbitkan dan dikenali sebagai Lembaga Malaya. Ia dimiliki oleh Sayyid ‘Alwi Albar manakala penyuntingnya adalah Onn Jaafar. Kehadiran Warta Malaya dan kemudiannya Lembaga Malaya yang kemudiannya berpindah ke Johor Bharu adalah amat penting kepada peningkatan identiti Melayu. Selain itu terdapat juga penerbitan lain yang merupakan saingan kepada mereka iaitu Majlis yang diterbitkan di Kuala Lumpur. Ia hanya bertahan dari tahun 1931 hingga 1935.

Perkembangan dunia kewartawanan yang bermula di Singapura bukan sahaja telah mengubah rupa bentuk pemerintahan kolonial sama ada British mahupun Belanda tetapi turut memberikan kesannya kepada Tanah Melayu. Ia menyaksikan pertumbuhan golongan etnik atau ras yang menentukan pelbagai pandangan sama ada yang melibatkan hal ehwal ekonomi mahupun budaya. Selain itu penglibatan kelompok berbangsa Arab atau Hadrami menerusi kewartawanan Melayu di Singapura khususnya bagi tempoh empat dekad dalam abad kedua puluh menyaksikan tebaran nilai-nilai yang akhirnya telah mengasimilasikan identiti Melayu dan Hadrami (Roff, 2009: 173, 174). Singapura adalah pusat yang menghimpun dunia Melayu yang menyaksikan orang-orang Melayu berkembang dan meningkat kesedaran antara mereka. Dalam masa yang sama mereka memahami kekangan yang wujud dan cuba untuk menyesuaikan diri dengannya. Dalam keadaan itu berlaku diaspora Melayu dan ianya dibantu menerusi aktiviti penerbitan dan kewartawanan.

## **GENRE KEWARTAWANAN BARU (*NEW JOURNALISM*) KEPADA KEWARTAWANAN PEMERTIKAIAN**

Kewartawanan pemertikaian sebenarnya bukanlah baru kewujudannya. Ia adalah lanjutan daripada satu genre yang telah pun mula bertunas seawal tahun 1950-an di Amerika yang membentuk “New Journalism” atau Kewartawanan Baru yang bertunas daripada “the underground press”. Ia adalah ranting yang keluar daripada sistem akhbar utama di Amerika Syarikat yang menyaksikan percanggahan dan pertentangan nilai akhbar yang di dokong oleh mereka berbanding dengan nilai utama yang di dokong oleh akhbar arus perdana di Amerika Syarikat ketika itu. Kini kita menyaksikan “*New Journalism*” yang bertunas dan berkembang pesat sekitar 1950-an dan 1960-an telah berevolusi dan membentuk kewartawanan pemertikaian yang dipacu oleh teknologi komunikasi iaitu Internet. Jika diamati isu-isu yang dilaporkan atau falsafah yang di dokong oleh kewartawanan pemertikaian adalah jelas

bertentangan atau anti-tesis dengan apa yang di dokong oleh sistem akhbar arus perdana dan ia adalah bersifat global. Gelombang yang sama turut dirasai di negara kita Malaysia.

Adalah jelas perkembangan yang berlaku pada hari ini khususnya yang berkaitan dengan kewartawanan pemertikaian menerusi media sosial adalah disebabkan oleh Internet. Ia yang juga dikenali sebagai ruang siber adalah bersifat universal yang memberikan laluan terhadap pengaliran maklumat tanpa tapisan serta mewakili dunia yang lebih demokratik tanpa adanya pengawal dan pengampang (Warf & Grimes 1997:261). Pada peringkat awal pengenalanannya, ruang siber atau Internet dilihat sebagai platform yang menawarkan capaian mudah terhadap kemudahan berinteraksi iaitu menerusi penggunaan email. Ia kemudiannya dikembangkan dengan wujudnya lawan sesawang sedunia atau lebih popular dengan World Wide Web (www). Kewujudan platform berkenaan secara langsung telah memberikan keupayaan kepada kumpulan-kumpulan tertentu yang dinafikan hak mereka untuk bebas bersuara menerusi media tradisional bergerak secara bebas menerusi ruang siber.

Keadaan berkenaan secara langsung telah memberikan golongan yang dinafikan haknya untuk terlibat secara langsung dalam perdebatan mengenai isu-isu utama negara menerusi media traditional melaksanakannya menerusi Internet. Ia adalah ruang bagi mereka menyalurkan pandangan, pendapat dan kritikan. Ini adalah lebih jelas khususnya bagi negara-negara yang mengawal kebebasan medianya menerusi aspek undang-undang dan peraturan-peraturan yang diguna pakai secara meluas. Masyarakat umum perlu menerima hakikat bahawa Internet ataupun ruang siber ini akan kekal bersama kita. Ia akan kekal untuk suatu tempoh masa yang tidak ada penghujungnya. Tidak ada sesiapa yang boleh memberikan bilakah “tarikh ajal” Internet dalam kehidupan manusia. Apakah manusia akan terputus hubungan serta penggunaan Internet pada masa hadapan ia adalah suatu pernyataan yang tidak mampu diungkap oleh mana-mana sarjana. Tetapi yang pasti ialah kebanyakan sarjana jelas berpandangan bahawa Internet bukanlah hanya sekadar medium untuk berkomunikasi tetapi medium yang efektif bagi transformasi dan perubahan lanskap politik (Perrit 1998: 431).

## **KEWARTAWANAN PEMERTIKAIAN DAN ESTET KELIMA**

Apakah sebenarnya yang dimaksudkan dengan “kewartawanan pemertikaian” atau “contentious journalism”. Kewartawanan pemertikaian adalah satu bentuk pelaporan berita atau penulisan yang rata-ratanya di dokong oleh media alternatif yang kebanyakannya berpaksikan kepada Estet Kelima iaitu Internet. Dalam konteks yang lebih mudah adalah melibatkan peredaran maklumat menerusi media sosial yang dipacu oleh teknologi Internet. Jika diamati kehadiran media sosial secara langsung telah mencabar pembingkaian persetujuan dan pengekalan “status-quo” yang selama ini dilorong dan dibentuk oleh kebanyakan media arus perdana. Khususnya yang berkaitan dengan dasar, polisi mahupun aspek kenegaraan yang telah diterima pakai sejak kemerdekaan negara.

Kewartawanan pemertikaian adalah merujuk kepada media alternatif yang ditunjangi oleh teknologi komunikasi yang mencabar media arus perdana yang selama ini membentuk dan mengekalkan persetujuan melibatkan institusi di dalam sesbuah negara (George 2006: 7). Dalam konteks ini Internet memainkan peranan dalam menggerakkan revolusi maklumat yang terus menyaksikan peningkatan penggunaannya dalam kalangan masyarakat. Data terkini menunjukkan sehingga 31 Disember 2020 terdapat lebih 5,053,911,722 pengguna Internet di

seluruh dunia dan benua Asia sahaja mewakili 2,707,088,121 pengguna yang mewakili 53.6 peratus daripada jumlah total peratusan di seluruh dunia ([internetworkstats.com/stats](http://internetworkstats.com/stats)). Bagi Malaysia jumlah pengguna internetnya sahaja adalah berjumlah 29,161,765 ([internetworkstats.com/stats3.htm#asia](http://internetworkstats.com/stats3.htm#asia)). Keadaan yang wujud di Malaysia ini sememangnya telah memberikan kesan yang besar khususnya dari sudut penyertaan awam dalam hal berkaitan dengan komunikasi politik. Ia bermula dengan blog dahulunya apabila andaian golongan sarjana bahawa lebuh raya maklumat yang dizahirkan menerusi kewujudan laman-laman blog dan sesawang semakin penting khususnya yang melibatkan komunikasi politik dan memberikan peluang kepada penyertaan dan pembabitan masyarakat secara menyeluruh (Corrado & Firestone, 1996).

Jika diperhalusi, media sosial yang mendokong kewartawanan pemertiaian tidaklah sehebat media arus perdana. Kehebatan pengukuran berkenaan adalah didasari oleh pemerhatian dari sudut ekonomi yang membentuk organisasi media itu sendiri. Jika pengukuran fizikal dijadikan sebagai landasan kepada kehebatan media alternatif ini maka ia adalah menempati perumpamaan seperti langit dan bumi. Media sosial yang berpaksikan kepada Internet juga tidak memiliki sejumlah bangunan seperti kebanyakan media arus perdana. Begitu juga dengan kilang percetakan yang didirikan mengikut wilayah ataupun mengikut zon yang membahagikan negeri-negeri ia beroperasi. Malahan dari sudut jumlah pekerjanya juga tidaklah mencecah hingga ribuan yang terbahagi kepada sub bidang pekerjaan yang khusus sebagaimana media arus perdana.

Kebanyakan media sosial atau media alternatif yang mendokong kewartawanan pemertiaian beroperasi di peringkat awalnya secara sukarela, berasaskan kepada geran dan subsidi dan bukanlah diasaskan berdasarkan keuntungan (George 2006; 70). Di samping itu, isu-isu yang didokong atau dilaporkan juga tidaklah seperti media arus perdana. Pelaporannya tidak bersifat populis. Ia bukanlah bertujuan menyediakan apa yang disukai oleh khalayak pembaca atau cuba untuk mengekalkan sokongan majoriti kepada pemerintah. Kebanyakan daripada pelaporan jurnalisme pemertiaian adalah menjurus terhadap keupayaan mempraktiskan kebebasan umum. Ia membentuk kesedaran masyarakat umum terhadap hak-hak mereka sebagai warganegara. Penerusan perbincangan secara kritikal terhadap isu-isu yang memberikan kesan terhadap masyarakat dan negara adalah premis utama yang menjadi dokongan media alternatif.

Dalam konteks ini, jelas bahawa kewartawanan pemertiaian adalah bersifat menongkah arus berlawanan dengan media arus perdana. Falsafahnya yang digerakkan menerusi media sosial boleh dikatakan sebagai menjengkelkan, tidak bertanggungjawab malahan boleh dianggap sebagai biadap. Ia adalah pandangan yang dilemparkan oleh pandangan mainstream terhadap mereka yang mendokong kewartawanan pemertiaian. Keterlibatan golongan wartawan yang menggerakkannya juga kontradik dengan wartawan arus perdana. Mereka adalah disanjung di atas keberanian dalam mencabar kewartawanan arus perdana sekali gus menunjukkan kematangan dalam mendepani arus politik negara. Kadar keterlibatan dalam isu-isu yang membabitkan kepentingan umum dan negara adalah menjadi nadi utamanya. Ia juga adalah membentuk keterlibatan mereka dalam proses pendemokrasian di Malaysia. Adalah jelas di sini bahawa Internet sememangnya telah membantu secara langsung pendemokrasian dan pemain-pemainnya bukan lagi bersifat eksklusif.

Revolusi yang paling terkesan dalam abad ke 21 adalah membabitkan teknologi Internet yang telah mengubah kehidupan manusia. Evolusi yang bermula pada abad ke 20 sebenarnya telah memberikan impak yang amat besar khususnya dari sudut capaian maklumat sekaligus memberikan cabaran kepada jurnalisme. Internet telah “menghalalkan” terminologi Wartawan Warga atau Citizen Journalist kepada mereka yang memiliki akses atau capaian Internet. Ia secara langsung telah menghakis kredibiliti jurnalisme dan yang lebih utama adalah membabitkan *raison d'être*. Kenyataan ini disokong dengan angka yang menunjukkan untuk sepanjang dekad pertama abad ke 21 jumlah manusia yang memiliki capaian Internet adalah berjumlah hampir 2 bilion (Schmidt & Cohen 2013). Namun begitu, cabaran yang ada perlu digalas, memandangkan dinamisme jurnalisme pada hari ini adalah turut terkesan oleh dinamisme teknologi komunikasi yang memungkinkan maklumat disebar luas tanpa sebarang kekangan ataupun halangan.

Pemahaman berkaitan evolusi dan perkembangan Internet adalah amat signifikan untuk diketahui ramai. Siapakah pencetus kepada revolusi teknologi yang menyaksikan lambakan maklumat pada hari ini yang tidak pernah terbayang oleh manusia satu ketika dahulu. Secara dasarnya apabila kita membicarakan pemerihalan berkaitan dengan Internet, terdapat dua nama besar yang akan sentiasa melingkari sejarah awal Internet. Individu-individu berkenaan adalah Vannevar Bush dan Marshall McLuhan. Kedua-dua mereka ini boleh dikatakan telah mendahului zaman mereka dan jika tidak disebabkan oleh ilmu pengetahuan dan penemuan saintifik kemungkinan mereka ini boleh dikategorikan sebagai peramal nasib dalam zaman kegelapan Eropah.


Individu pertama yang terlibat di peringkat awal pengenalan Internet ialah Vannevar Bush yang telah membina hubungan kerjasama yang melibatkan tentera Amerika Syarikat dan universiti yang akhirnya telah mewujudkan ARPANET. Dalam tahun 1940, Bush telah dilantik oleh Presiden Roosevelt sebagai Pengurus Jawatankuasa Penyelidikan Pertahanan Negara bagi membantu Amerika Syarikat dalam menghadapi Perang Dunia Kedua. Penglibatan Bush dalam penyelidikan khususnya yang memfokuskan kepada teknologi dan pertahanan sememangnya tidak dapat dinafikan. Antara pencapaian beliau yang amat signifikan ialah keupayaannya mewujudkan kerjasama di antara Tentera Amerika Syarikat dan universiti khususnya dalam aspek penyelidikan. Ia menyebabkan universiti-universiti di Amerika Syarikat memperolehi lebih banyak makmal penyelidikan, peralatan serta terlibat dengan lebih banyak penyelidikan. Akibatnya hasil daripada penemuan yang diperolehi oleh universiti dalam bidang teknologi memberikan kelebihan kepada pihak tentera Amerika Syarikat. Universiti Harvard, Institut Teknologi Massachusetts serta Universiti California adalah antara tiga buah universiti terawal yang terlibat dalam kerjasama hasil usaha Bush. Buah tangan Bush yang paling berharga yang membuka lorong kepada revolusi Internet adalah menerusi sistem maklumat yang digelar sebagai “memex” menerusi artikel yang bertajuk *As We May Think* yang diterbitkan pada tahun 1945.

Satu ketika dahulu terminologi “perkampungan global” atau global village seolah-olah satu jargon yang kelihatan begitu asing kepada manusia. Apalagi jika maksud kedua perkataan itu digabungkan mana mungkin realiti berkenaan direalisasikan. Namun bagi sarjana Marshall McLuhan terma berkenaanlah yang telah memberikannya ruang untuk berkongsi dengan masyarakat dunia berkaitan dunia yang dihubungkan menerusi capaian elektronik dan mendahului zamannya. Malahan konsep perkampungan global McLuhan juga telah

membariskan kesan-kesan yang akan diakibatkannya terhadap manusia dan dunia. Ia adalah satu pendekatan yang melangkaui pemikiran semasa ketika itu sedangkan kehadiran Internet masih belum dirasakan sepenuhnya oleh manusia. Kesannya dari sudut pengajian komunikasi telah menambahkan ruang perbincangan dari aspek teknologi, media dan masyarakat. McLuhan sebenarnya telah pun membuka minda manusia sejagat tentang kehebatan “perantara” yang menjadi sebenarnya sama penting dengan maklumat atau mesej yang dihasilkan. Maka lahirlah terminologi kedua McLuhan iaitu *“the medium is the message”*.

Dalam konteks perkembangan teknologi Internet di Malaysia, pengalamannya adalah berbeza dengan apa yang berlaku di Amerika Syarikat. Iaitu Internet bermula di Malaysia bagi tujuan penyelidikan menerusi Rangkaian Komputer Malaysia (RangKom) yang telah diperkenalkan di dalam tahun 1995 oleh Malaysian Institut of Microelectronic System (MIMOS). Pemerihalan berkaitan tidak akan lengkap sekiranya tidak disokong oleh data-data yang dapat menunjukkan peningkatan penembusan Internet khususnya di Asia. Jika ditinjau dari senarai negara-negara di Asia ianya boleh dibahagikan kepada sepuluh negara yang diklasifikasikan sebagai tertinggi dalam penggunaan Internet sepanjang 2020. Butirannya adalah seperti Rajah 1:

Statistik Pengguna Internet Tertinggi Asia 2020



Jika diteliti dari aspek jumlah pengguna Internet khususnya di Asia ia boleh dibahagikan kepada sepuluh negara di Asia yang tertinggi jumlah penggunaan internetnya sehingga pertengahan Mei 2020. Daripada semua negara berkenaan China menduduki tangga teratas dengan jumlah pengguna internetnya di Asia adalah mewakili 37.1 peratus diikuti dengan India dengan jumlah 24.3% pengguna. Manakala Indonesia yang diperakui sebagai antara negara yang ramai penduduknya di Asia Tenggara menduduki tempat ketiga dengan jumlah peratusannya ialah 7.4 dan negara matahari terbit iaitu Jepun menyumbang kepada 5.2 peratus pengguna Internet di Asia. Adalah jelas bahawa sejak 1990an, Internet telah mendapat tempat khususnya di dalam aspek yang membabitkan kesannya ke atas persekitaran ekonomi, sosial dan politik. Trend ini semakin menunjukkan peningkatan setiap tahun. Berdasarkan kepada Rajah 1, terdapat lain-lain negara di Asia yang telah turut menyumbang kepada penggunaan Internet iaitu

membabitkan Bangladesh (4.2 peratus), Filipina (3.4 peratus), Pakistan (3.1 peratus dan Vietnam (3 peratus).

Buktinya kini gelombang perubahan yang diakibatkan oleh ICT telah menjadikan media sosial sebagai satu fenomena sejagat. Ia adalah meliputi perubahan paradigma atau corak pemikiran yang menganalisa segala aspek yang menyentuh kehidupan manusia. Bermula dengan cara manusia bekerja, berinteraksi dan bersosialisasi hingga membawa kepada daptan ilmu dan pengetahuan oleh mereka. Ini jelas memperlihatkan sifat kesepadan media sosial yang telah meresapi segala aspek kehidupan manusia itu sendiri.

Satu kesan signifikan yang boleh dikatakan ialah perkembangan mutakhir jelas menunjukkan media sosial telah mencapai satu tahap yang tinggi penerimaannya berbanding di peringkat awal pengenalannya. Ia melibatkan aspek seperti sistem interaktif awam yang merujuk kepada penggembangan menyeluruh yang memberikan satu arena kepada pengguna, penganalisis dan sistem yang menjadikannya satu bentuk penganalisaan (Hamidi & Baljko, 2012).

Menerusi media sosial khususnya yang melibatkan (SNS) telah mentransformasikan masyarakat sama ada di peringkat mikro mahupun makro dengan membolehkan berlakunya komunikasi yang berulangan sifatnya. Umpamanya di peringkat mikro, individu-individu boleh menjelaki rakan-rakan dan ahli-ahli keluarga secara harian. Mereka juga dapat berkongsi pelbagai maklumat, memberikan komentar terhadap topik-topik yang mereka gemari. Dari perspektif makro pula, media sosial telah membenarkan himpunan massa, membantu berlakunya tentangan dan revolusi di seluruh dunia (Paslawsky 2012).

Adalah jelas sejak beberapa tahun kebelakangan ini, pengamal media sosial dan lain-lain inovasi yang berasaskannya telah mengubah landskap komunikasi khususnya di Malaysia. Lebih raya maklumat atau lebih dikenali sebagai Internet telah berkembang pesat khususnya yang berkaitan dengan keupayaan penyebaran maklumat kepada masyarakat, menggerakkan kesedaran awam dan penggunaan Internet secara optimum selaras dengan pelabelannya sebagai “Fifth Estate”. Kepesatan dan populariti yang dinikmati oleh media sosial yang menggunakan Internet sebagai kenderaan pacuannya, dikatakan telah memberikan kekuatan dan nafas baru kepada demokrasi di sesebuah negara.

Malahan di peringkat antarabangsa, isu ini telah pun memasuki ruang perbincangan ilmu sains sosial. Perbincangan mengenai kesan media sosial jelas kelihatan menerusi analisis pilihan raya presiden di Amerika Syarikat sehinggalah menyentuh aspek keselamatan antarabangsa dan kerahsiaan. Ia jelas kelihatan menerusi penggunaan media sosial iaitu bermula dengan blog, *Facebook*, serta *twitter* yang dianggap sebagai ancaman kepada model jurnalisme tradisional. Berlarutan kepada perdebatan di peringkat antarabangsa yang turut mengheret kepada keperluan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu diberikan hak untuk mengawal Internet sekali gus media sosial.

Dalam konteks Malaysia, perdebatan atau perbincangan tentang peranan media sosial yang digerakkan oleh Netizen turut tidak ketinggalan. Apakah label yang diberikan kepada mereka ini sebagai umpamanya *Citizen Journalist* dari aspek legitimasi boleh diterima atau mereka ini tidak lebih daripada pemberi maklumat sahaja. Ini kerana pelabelan sebagai jurnalis sebenarnya tidaklah semudah yang diungkapkan.

Seseorang yang ingin dikenali sebagai wartawan perlu menjalani proses-proses yang telah dibentuk dan bukan hanya berpaksikan kepada pengetahuan seperti aspek etika dan jurnalisme, aspek undang-undang media dan komunikasi, aspek sosiologi dan masyarakat serta

lain-lain yang berkaitan dengan ilmu komunikasi secara menyeluruh. Apakah Citizen Journalist yang wujud pada masa kini memiliki aspek-aspek keilmuan yang dinyatakan itu. Jawapannya mungkin ya atau mungkin juga tidak. Lihat sahaja kekusutan yang diakibatkan oleh “kewartawanan pemertikaian” media sosial yang kebelakangan ini banyak mencabar institusi negara sehingga menggonyah hubungan antara kaum disebabkan isu-isu yang melewati keagamaan, hak sebagai rakyat, kuota pendidikan, tingkat gaji minimum, tadbir urus negara, ketirisan, kepimpinan dan lain-lain.

Dalam konteks semasa, tempoh masa yang diperuntukkan oleh mereka yang bersosialisasi menerusi media sosial sebenarnya tidak banyak berbeza. Umpamanya di Amerika Syarikat, setiap 16 minit mereka menggunakan media sosial, manakala di Australia dan Britain masing-masing melibatkan 14 minit dan 13 minit. Keadaan ini jelas memperlihatkan kehidupan manusia yang dibelenggu oleh media sosial dan keupayaan membebaskan diri daripadanya sememangnya sukar untuk dielakkan.

Malahan pecahannya juga adalah berbeza mengikut media sosial yang digunakan. Iaitu 1.15 bilion adalah pengguna Facebook, 359 juta penggunaan Google, 215 juta Twitter, dan 150 juta pengguna Instagram. Manakala jumlah akses terhadap Internet menerusi komputer dan telefon pintar adalah berjumlah 72 peratus dan 71 peratus. Ini jelas menunjukkan peratusan yang tidak jauh berbeza di antara pengguna yang menggunakan komputer dan telefon pintar dalam menggunakan Internet sekali gus melekatkan diri mereka dengan media sosial yang dinyatakan.

Lambakan maklumat khususnya yang dipaparkan menerusi Internet telah mengundang berbagai persepsi dan keceluaran dalam masyarakat. Keceluaran yang berlaku jika tidak ditangani dengan segera berkemungkinan akan menyebabkan konflik yang akhirnya akan merugikan negara. Sehubungan itu adalah penting bagi masyarakat untuk memahami proses dapatan maklumat, analisis dan sintesis segala maklumat dan yang lebih utama adalah keupayaan mental dalam menyisih maklumat yang bersifat “sampah”.

Dalam konteks inilah peranan yang dimainkan oleh komunikasi sebagai alat perhubungan antara manusia perlu difahami. Begitu juga halnya apabila melibatkan perkaitan antara komunikasi serta hubungannya dengan negara serta institusi-institusi yang bernaung di dalamnya. Bagi kebanyakan pengkaji-pengkaji disiplin komunikasi, perkaitan yang wujud di antara media, teknologi komunikasi dan kedaulatan nasional adalah suatu yang signifikan. Khususnya apabila membabitkan negara-negara dunia ketiga yang rata-ratanya dianggap sebagai mengamalkan quasi-demokrasi.

Dalam konteks ini, Malaysia tidak terkecuali dalam penganalisisan dan penaakulan yang dilakukan oleh para pengkaji barat sejak komunikasi diperkenalkan di negara ini. Sama ada secara amalan ataupun menerusi penerapan disiplin keilmuan. Kepentingan, pertalian dan kesan amalan media sosial khususnya yang berkaitan dengan literasi media sememangnya amat signifikan. Maka bertitik tolak daripada itu, kepentingan pengkajian dan pemahaman terhadap perkembangannya di Malaysia adalah suatu penting untuk difahami. Adalah penting kepada negara dalam memastikan segala maklumat yang disampaikan khususnya yang menyentuh aspek dasar dan polisi difahami oleh rakyat.

Kewartawanan pemertikaian bertapak dan berkembang dengan pantas khususnya apabila berlaku perubahan landskap ekonomi dan politik Malaysia di dalam tahun 1998 yang menyaksikan pemecatan dan seterusnya pertuduhan penyalahgunaan kuasa politik dan isu liwat

ke atas Anwar Ibrahim (ketika itu Timbalan Perdana Menteri Malaysia) sehingga mengakibatkan hukuman penjara ke atas beliau telah dikesan sebagai antara pemangkin kepada peningkatan penggunaan Internet. Lebih-lebih lagi apabila kebanyakan media arus perdana dikuasai oleh pemerintah (Abbott, 2004:85; Gomez, 2004:2) dan Internet dilihat sebagai titik peralihan kepada liberalisasi dan kebebasan menyuarakan pendapat dan pandangan tanpa melalui tapisan. Kewartawanan pemertikaian yang pada peringkat awalnya direalisasikan menerusi laman web kemudian beralih kepada blog dan seterusnya kini menerusi portal-portal berita atas talian. Kewartawanan pemertikaian yang ditunjangi oleh teknologi komunikasi iaitu Internet sememangnya telah banyak menyumbang kepada keretakan hegemoni pemerintah khususnya yang bermula dengan keputusan Pilihan Raya Umum ke 12 negara pada tahun 2008 (Amirul 2018; 89). Impak mula medium Internet telah pun dikesan di dalam tahun 1999 berikutan penumpuan serta fokus pembaca terhadap laman-laman web pro pembangkang berbanding dengan laman-laman web pro pemerintah mahupun akhbar dalam talian yang diadaptasi daripada media arus perdana (Amirul 2018; 97).

## KEWARTAWANAN PEMERTIKAIAN DAN KERETAKAN HEGEMONI NEGARA

Susur galur yang menjadi pemangkin kepada penggunaan Internet yang menjurus kepada kekalutan serta keretakan hegemoni negara bermula dengan peristiwa yang melibatkan pergolakan kepimpinan dalam Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (PEKEMBAR) atau UMNO pada September 1998. Iaitu yang menyaksikan penyingkiran dan terpenjaranya Anwar Ibrahim atas salah laku rasuah. Insiden yang tidak pernah terjangka itu bukan sahaja telah mengubah landskap politik Malaysia tetapi juga telah menyaksikan pemusatan pengawalan maklumat dan penyebaran maklumat oleh media arus perdana dan peningkatan desakan terhadap kebebasan bersuara dan terjahan media sosial yang mendokong jurnalisme pemertikaian.

Insiden yang membabitkan Anwar Ibrahim khususnya gerakan Reformasi yang digerakkan menerusi Internet telah memberikan kesan kepada penggunaan Internet secara menyeluruh. Ini jelas kelihatan menerusi kenyataan (M.G.G. Pillai 2001) yang merupakan editor kepada Sang Kancil yang merupakan platform diskusi politik tempatan yang menyatakan:

*... In 1996, I began a local discussion group called Sang Kancil... for its first two years [it] drifted along with a few hundred subscribers. It was listless and dragged on, mainly with my daily political commentaries. Then in September 1998, the whole scene changed... Anwar's supporters went out into the streets... [and] hundreds of websites came out in support of the detailed politician.*

Penjelasan yang diberikan oleh M.G.G. Pillai jelas menunjukkan perubahan ketara yang melibatkan jumlah pengguna Internet sebelum insiden dan selepas insiden yang membabitkan Anwar Ibrahim. Ia bukan hanya melibatkan dari aspek jumlah penggunaan Internet tetapi turut dizahirkan menerusi kemunculan laman-laman sesawang yang menyokong Anwar Ibrahim. Menurut Abbott (2004) dengan pengguguran dan penahanan Anwar Ibrahim telah menyebabkan peningkatan pengguna Internet di Malaysia sebagai tanda bantahan dan didapati hanya dalam beberapa bulan sahaja terdapat lebih 50 laman sesawang pro-Anwar muncul dan menyebarkan surat-surat Anwar dari penjara, persekitaran demonstrasi yang berlaku

sehingga kepada pelaporan berita asing berkaitan krisis politik yang membabitkan Anwar Ibrahim.

Menurut Rodan (2004) apa yang berlaku adalah kebanyakan daripada media yang dikuasai oleh kerajaan menerima tampanan yang amat hebat apabila mengalami kejatuhan dari aspek pengedaran sekali gus menggugat kredibiliti media arus perdana. Ketika itu ia mula menampakkan btit-babit penolakan terhadap media arus perdana kerana kredibiliti dan kejujuran pelaporan mereka adalah diragui. Atas sebab itu ia menyaksikan peningkatan jumlah penggunaan Internet yang merasakan ia adalah sumber yang paling tepat dan boleh dipercayai. Premis ini diperkuuhkan lagi dengan penguasaan media oleh kerajaan sama ada secara langsung mahupun tidak langsung. Penolakan itu memiliki asas yang cukup kuat dan laman sesawang Anwar On-line sebagai contoh menjadi sumber utama maklumat kepada para penyokong dan mereka yang bersimpati dengannya

Dalam konteks ini, (Abbott 2004; 78) menyatakan laman sesawang reformasi pertama yang dilancarkan iaitu Anwar On-Line pada 1hb September 1998 telah menerima hampir sejuta pelawat dalam masa tiga hari. Malahan dalam tempoh beberapa bulan sahaja jumlah laman sesawang yang pro-Anwar dan pro-reformasi telah tumbuh bagaikan cendawan. Bertitik tolak dari sini bermulalah era Internet sebagai saluran komunikasi dan maklumat bagi pembangkang di Malaysia sekali gus menjadi sumber berita alternatif di Malaysia. Perkembangan yang berlangsung tidak terhenti dan ianya menjadi lebih jelas apabila menjelang 29 November 1999, jumlah pengguna Internet di Malaysia adalah melebihi 500,000 dan menjelang 2002 jumlah keseluruhannya mencécah dua juta pengguna Internet.

Trend yang berlangsung di peringkat awal iaitu antara tahun 1998 hingga 2002 jelas menunjukkan semakin ramai rakyat Malaysia yang mengetepikan sumber maklumat dan pemberitaan yang dihasilkan oleh media arus perdana. Ia juga menunjukkan telah wujud trend baru yang lebih menjurus dan menerima media alternatif atau kini media sosial yang bukan bertunjang arus perdana. Jelas kepada kita bahawa kemunculan media alternatif di peringkat awal adalah didokong oleh parti politik pembangkang dan aktivis-aktivis politik (Chen 1999c).

Adalah jelas bahawa telah berlaku peralihan pandangan dari anggota masyarakat dengan adanya maklumat yang diperolehi daripada internet. Jika dahulunya pemerintah akan memimpin masyarakat mengikut satu bentuk ketetapan yang meliputi segala bentuk sumber bermula dari aspek pengumpulan penghasilan dan pengagihannya. Keadaan ini dikenali sebagai proses politik di mana akhirnya menghasilkan pembentukan sesuatu polisi yang dikehendaki oleh pemerintah. Jika ditinjau dari sudut teori masyarakat massa ianya jelas menyatakan bahawa dalam masyarakat terdapat golongan yang berkuasa (dominant) dan yang dikuasai (dominated). Golongan dominan ini akan cuba sedaya upaya mengekalkan kuasanya kerana ia bakal menentukan perjalanan politik di sesebuah negara.

Secara dasarnya terdapat dua kaedah bagi mengekalkan kuasa iaitu elemen paksaan (coersion) dan persetujuan (consent). Penggunaan kaedah persetujuan bakal mengundang minimumnya implikasi paksaan terhadap institusi yang bernaung di bawah sesebuah negara. Dalam situasi yang genting terdapat pemerintah yang menggunakan kuasa paksaan dengan melibatkan pihak berkuasa (polis dan askar) dalam menekan situasi genting yang melanda negara. Namun dalam banyak keadaan apa yang berlaku adalah dianggap semula jadi berikut penerimaan rakyat terhadap aspek perundangan yang telah diterapkan oleh pihak pemerintah. Keupayaan pemerintah mendominasi dikenali sebagai pengekalan hegemoni iaitu konsep yang

dikemukakan oleh Antonio Gramsci. Menurut Gramsci, hegemoni adalah merujuk kepada golongan dan perwakilannya yang menggunakannya ke atas mereka yang dikuasai menerusi kombinasi persetujuan. Gramchi menerusi ulasannya terhadap buku hasil tulisan Machiavelli iaitu Prince, mengimbas mistik Greek yang dikenali sebagai centaur, yang berupa separuh haiwan dan separuh manusia, ia adalah sebagai perspektif yang berbeza di dalam politik – iaitu tahap persetujuan dan paksaan, kuasa dan hegemoni, keganasan dan ketamadunan. Hegemoni adalah perhubungan dan bukanlah merujuk kepada dominasi yang berasaskan paksaan, tetapi mirip kepada persetujuan terhadap kepimpinan politik dan ideologi. Ia adalah pengurusan persetujuan.

## **KEWARTAWANAN PEMERTIKAIAN, MEDIA SOSIAL DAN CABARAN**

Secara umumnya kita tidak dapat menafikan bahawa Malaysia sebenarnya kini berhadapan dengan cabaran yang tidak pernah terjangka. Arus terjahan teknologi komunikasi yang pada awalnya berkaitan dengan perkakasan kemudiannya menjadi lebih dinamik dengan gerombolan maklumat menjadikan masyarakat berhadapan dengan fenomena “information exponential”. Iaitu ledakan maklumat yang datang dari segenap arah sehingga menjadikan manusia keliru. Fenomena ini adalah universal dan timbul banyak persoalan sama ada masyarakat kita sudah bersedia menerima ataupun tidak. Jika sudah bersedia, mengapa kita semua berada di sini membincangkan masalah ini pada hari ini? Masyarakat kita masih ramai lagi belum bersedia menerima lambakan kandungan maklumat yang diterima saban hari menerusi media sosial. Kemungkinannya ialah masyarakat masih lagi mencari mekanisma yang terbaik dalam utilisasi teknologi berlandaskan etika komunikasi yang sebenar.

Jika dahulu masyarakat massa memiliki keupayaan yang terhad dalam menyampaikan pandangan mahupun menyelesaikan masalah kerana kebergantungan terhadap media arus perdana, tetapi kini tidak lagi. Dunia benar-benar telah berubah dan tidak memiliki sempadan dan barangkali tidak ramai yang mengetahui tokoh pemikir awal abad ke 20 iaitu Nicolas Tesla yang telah memperkatakan tentang dunia yang disatukan menerusi teknologi. Iaitu dunia yang akhirnya akan membentuk gerombolan otak yang tidak pernah terjangka oleh manusia. Tesla sememangnya mendahului zamannya dan adalah futuris yang pertama mengatakan pada masa hadapan hanya menerusi satu medium sahaja manusia mampu membawanya ke mana-mana dan maklumat adalah dalam pengawalannya secara total. Kini apa yang diungkapkan oleh Tesla dalam tahun 1926 menerusi temu bual bersama majalah Colliers adalah satu kenyataan.

Satu hakikat yang perlu diketahui oleh umum ialah masyarakat civil adalah antara institusi yang wujud akibat daripada percantuman yang dibina oleh anggota masyarakat itu sendiri. Mereka ini pula terlibat secara langsung dalam interaksi sosial yang membicarakan hal-hal berkaitan dengan aspek sosial, politik mahupun ekonomi. Menerusi jaringan media sosial yang wujud memperlihatkan realisme masyarakat civil yang sama-sama berkongsi idea, norma-norma serta nilai yang menjadi wadah kepada ahli-ahlinya. Terdapat tiga golongan masyarakat yang boleh diklasifikasikan dalam media sosial. Yang pertamanya ialah golongan kecil yang merekacipta sesuatu maklumat. Keduanya, mereka yang menerima, membaca dan akhirnya menyebarkan maklumat yang diterima tersebut. Dan yang ketiganya, golongan yang menerima sahaja maklumat tersebut tanpa mengambil apa-apa tindakan.

Golongan yang pertama ini walaupun jumlahnya adalah kecil, tetapi kesannya adalah amat signifikan pada masa kini kerana maklumat jika berada di tangan mereka boleh disebarluaskan kepada khalayak ramai ‘mass audience’ dalam hanya beberapa saat sahaja. Seseorang itu tidak perlu lagi membuka komputer peribadi untuk menyebarkan maklumat kerana semuanya di kini berada di hujung jari. Cukup sekadar menerusi telefon pintar yang melibatkan aktiviti ‘copy’, ‘paste’, dan ‘forward’ sahaja. Mengapakah perkara ini dianggap berbahaya? Kerana ia boleh menimbulkan ketidakpuasan hati, mewujudkan ketidaksenangan masyarakat dalam sesebuah komuniti serta menimbulkan perasaan kurang senang dalam kalangan masyarakat. Mereka yang bijak menyemak fakta, mungkin tidak akan mudah terperdaya. Tetapi bagi mereka yang menerima bulat-bulat segala maklumat yang diterima, berita-berita ini akan terus disebarluaskan kepada individu lain serta-merta tanpa usul periksa.

Jika dahulu, para pelajar perlu menghabiskan masa berjam-jam lamanya di perpustakaan bagi mendapatkan maklumat khususnya dari sumber seperti buku, laporan tahunan, jurnal, majalah serta makalah-makalah tertentu namun kini, itu semua boleh dimuat naik dari telefon pintar sahaja. Satu isu yang perlu ditegaskan di sini ialah sumber ilmu tersebut bukan semuanya ‘genuine’. Penyaluran maklumat berkenaan sehingga kini tidak dikawal selia oleh mana-mana peraturan mahupun undang-undang yang sewajarnya. Masyarakat kita walaupun semakin hari semakin taksub mengejar kemajuan teknologi ini, tetapi masih ramai yang mengabaikan ‘*defence*’ dalam penggunaan ilmu tersebut. Ini mengundang kepada lambakan ilmu dalam kalangan mahasiswa mahupun cendekiawan. Tiada kaedah, tertib dan disiplin yang mantap yang digunakan dalam proses tersebut.

Penerangan berkenaan jelas mencerminkan ancaman-ancaman yang dihadapi pada masa kini. Kita kini berhadapan dengan fenomena dinamisme yang memerlukan tindakan pantas dan matang dan jika keupayaan berkenaan di pandang remeh maka kita akan terus terapung di awangan-awangan dalam mencari kebenaran. Jika penyebaran maklumat ini berterusan tanpa dikawal selia, maka kesannya boleh membawa kepada permusuhan sesama kaum. Jika dilihat sejak merdeka tahun 1957, dan selepas berlakunya tragedi 13 Mei, kita sebenarnya beransur-ansur telah pun mencapai semula keharmonian dalam masyarakat, dan hubungan sesama kaum. Namun sejak kebelakangan ini, kita seakan-akan kembali dicengkam oleh rasa tidak selesa dan tidak stabil dalam masyarakat.

Impaknya kepada masyarakat amat besar. Umpamanya kita ada segulung benang yang tersimpul. Untuk merungkaikan semula simpulan tersebut adalah sangat rumit dan mengambil masa yang lama. Jadi apa yang kita lakukan, kita ambil gunting dan potong sahaja simpulan tersebut, sebelum kita cantumkan semula menjadi satu simpulan sahaja. Benar, masalah tersebut selesai, tapi jalan yang diambil itu menjadi pendek. Aset menjadi kurang. Inilah perumpamaan tentang cara masyarakat kini menerima dan memproses maklumat. Masyarakat mula mengambil jalan mudah dan ‘jump into conclusion’ kerana terlalu banyak input yang diterima dan tidak lagi mampu menghadamnya.

Akibatnya, apabila terlalu banyak maklumat yang diterima, masyarakat tidak lagi mahu mendengar dan membuat verifikasi walaupun maklumat tersebut penting dan bagus. Masyarakat mula ‘membuang’ sahaja maklumat tersebut. Kesannya, sesiapa sahaja yang memerintah negara kita selepas ini akan menghadapi cabaran yang begitu besar, sehingga masyarakat kita mencapai satu tahap kematangan dalam menggunakan media sosial. Sehingga satu tahap masyarakat hanya menyebarkan perkara yang disahkan benar sahaja. Masyarakat

kita harus dididik untuk bersih dari ‘dosa’ di dalam media sosial ini – jika maklumat yang disebarluaskan adalah palsu, kita bukan sahaja berbohong kepada satu individu sahaja, tetapi kepada beribu-ribu atau berjuta rakyat. Masyarakat yang jiwa kerohanianya cetek, akan mudah terpengaruh dan tertipu dengan dakyah yang diwujudkan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab ini.

Secara umumnya walaupun fenomena ini adalah satu bentuk kebebasan bersuara, tetapi kebebasan bersuara perlu datang bersama-sama dengan tanggungjawab dan ilmu. Masyarakat kita masih belum ke tahap itu, kerana kita masih perlu banyak didedahkan dengan sejarah, ilmu komunikasi, dan etika sebenar menggunakan sosial media. Jika kita memilih untuk duduk di dalam teknologi tanpa sekatan ini, masyarakat perlu disediakan dengan persiapan menerima ledakan teknologi ini. Persediaan yang dimaksudkan di sini ialah cara mengguna, ketertiban, etika, undang-undang dan ‘self-regulation’ dalam media sosial. Jika keadaan yang sedang berlangsung ini tidak diberikan perhatian yang menyeluruh lagi komprehensif, maka kita akan menyaksikan kebanjiran maklumat yang diadun menerusi kewartawanan pemertikaian.

## KESIMPULAN

Selaras dengan perkembangan semasa, ia menyaksikan wujudnya cabaran dan keperluan kepada pemahaman terhadap isi kandungan bahan-bahan media dan dalam konteks ini ia merujuk kepada pengelasan maklumat yang dijana rata-ratanya menerusi media sosial dalam kalangan masyarakat. Dalam masa yang sama media arus perdana perlu meneruskan hubungan akrab antara pemerintah dan tidak berasa diganggu gugat sebagai elemen politikal pundit. Keadaan ini bukan hanya berlaku di Malaysia tetapi juga di negara-negara lain. Pundit adalah ungkapan yang diambil daripada bahasa Sanskrit sekitar awal abad ke 19 yang kemudiannya diterima pakai oleh negara India yang memberi erti “seseorang yang berpengetahuan atau guru yang bukan sahaja mempunyai kuasa tetapi juga adalah ahli politik yang terkenal (Nimmo & Combs 1992:6)

Menurut Nimmo dan Combs (1992), kelompok ini adalah terdiri daripada wartawan, penganalisa, pakar-pakar polisi negara yang melontarkan pandangan serta pendapat mereka menerusi forum tertentu. Kebanyakan mereka adalah diterima oleh khalayak sebagai pakar khususnya yang berkaitan dengan politik. Mereka dikenali sebagai sumber kepada “pengumpulan pendapat”, “penghasilan pendapat”, “penentuan agenda” dan juga dikenali sebagai “penilai agenda”. Kerap kali juga mereka dirujuk sebagai orang yang berhemah, pemerhati serta pengulas terhadap senario politik tempatan. Gabungan oleh media pundit serta berkembangnya kesedaran pengelasan maklumat dalam kalangan masyarakat akan membantu negara khususnya dalam menangani cabaran kewartawanan pemertikaian yang memperkuatkan media sosial dan meretakkan kuasa hegemoni pemerintah sekali gus memastikan kestabilan dan keharmonian masyarakat.

## RUJUKAN

- Abbott, J.P. (2004). The Internet, reformasi and democratisation in Malaysia. The State of Malaysia: Ethnicity, Equity and Reform. E.T. Gomez. (Eds.) Routledge Curzon, London.
- Ahmat Adam. 1992. *Sejarah dan Bibliografi Akhbar dan Majalah Melayu Abad Kesembilan Belas*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahmad Murad Merican. 2008. Blinded by the Lights: Journalism and Communication Study in Malaysia since 1971. Penerbit Universiti Teknologi MARA
- A. Paslawsky. 2012. The Growth of social media norms and Governments' attempts at regulations, *Fordham International Law Journal*, vol. 1485.
- Chen May Yee. 1999c. Malaysia flock online to voice opinion on Anwar, *Asian Wall Street Journal*, 30 March: 1, 5
- Cherian George. 2006. Contentious Journalism and the Internet: Towards Democratic Discourse in Malaysia and Singapore. Singapore University Press.
- Corrado, A.C., & Firestone, C. (1996). Elections in cyberspace: Toward a new era in American politics. Washington, DC: Aspen Institute.
- Eric Schmidt & Jared Cohen. 2013. The New Digital Age: Reshaping The Future of People, Nations & Business. Google Inc & Jared Cohen
- F. Hamidi, M. Baljko. 2012. Using Social Networks for Multicultural Creative Collaboration, ICIC 2012, Bangalore, India
- Gary Rodan .2004. Transparency and Authoritarian Rule in Southeast Asia: Singapore and Malaysia. Routledge Taylor and Francis Group, New York USA
- Gomez, E.T. (2004). Introduction: politics, business and ethnicity in Malaysia: A state in transition? The State of Malaysia: Ethnicity, equity and reform. E.T. Gomez (Eds.) Routledge Curzon
- Kustadi Subandang. 2016. Pengantar Jurnalistik: Organisasi, Produk dan Kode Etik. Bandung. Penerbit Nuansa
- Mohd Amirul Akhbar Mohd Zulkifli. 2018. Isu-isu Komunikasi dan Media: Soroton Pengajian Komunikasi Di Malaysia. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan dan Buku Malaysia
- Mohd Safar Hasim. 1996. Akhbar dan Kuasa: Perkembangan Sistem Akhbar di Malaysia Sejak 1806. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya
- Mohd Safar Hasim. 1996. *Mahathir dan Akhbar*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributions
- Mohd Safar Hasim 2005. *Akhbar Di Malaysia: Antara Kebebasan Dengan Tanggungjawab*. Bangi: Penerbit UKM
- Nimmo, D. & Combs, J.E. 1992. The Political Pundits. New York: Praeger
- Proudfoot, I. 1993. *Early Malay Printed Books*. Kuala Lumpur: The Academy of Malay Studies and The Library, University of Malaya.
- Perrit Jr, D.H. 1998. The Internet as a Threat to Sovereignty? Thought on Internet's Role in the Natioanal and Global Governance. *Indiana Journal of Global Legal Studies* 5(2).
- Pillai, M.G.G. 2001. The Internet Tail Wags The Media Dog In Malaysia, <http://www.thinkcentre.org/article.cfm>

- Polak, Mayor, J.B.A.F. 1974. Sosiologi. Jakarta: Ikhtiar Baru.
- Ralph E. Kliesh. 1971. Report on Feasibility Study for MARA Institute of Technology School of Mass Communication. Laporan berkenaan telah diterima sebagai asas kepada mewujudkan Fakulti Komunikasi Massa di Institut Teknologi MARA pada tahun 1972.
- Roff, W.R. 2009. Studies on Islam and Society in Southeast Asia Singapore: NUS Press.
- Simon, R. 1985, Gramsci's Political Thought, Lawrence & Wishart: London
- \_\_\_\_\_.1974. The Origins of Malay Nationalism. Kuala Lumpur: University of Malaya Press
- Warf, B. and J. Grimes. 1997. Counter Hegemonic Discourses and the Internet. *The Geographical Review* 87(2)